

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

SOALAN : 318

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bersedia menjadikan Lumut Maritime Terminal, Kg. Aceh atau pelabuhan Vale di Teluk Rubiah satu pelabuhan yang mengendalikan muatan '*container*' dan membina satu landasan rail menyambungkan pelabuhan tersebut ke kawasan perindustrian di Lembah Kinta untuk menjana ekonomi negeri Perak.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lumut Maritime Terminal, Kg. Acheh dan Pelabuhan Vale di Teluk Rubiah adalah merupakan jeti/pelabuhan persendirian di Perak yang diuruskan oleh syarikat swasta dan dikawalselia oleh Jabatan Laut Malaysia. Kedua-dua terminal berkenaan menguruskan dan mengendalikan kargo perindustrian.

Justeru, Kerajaan Persekutuan tidak mempunyai sebarang cadangan untuk menjadikan kedua-dua Lumut Maritime Terminal dan Pelabuhan Vale sebagai sebuah pelabuhan yang mengendalikan muatan *container*. Berdasarkan kajian *National Ports Strategy* pada tahun 2016 yang telah dijalankan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) dengan melantik World Bank, merumuskan bahawa tidak ada keperluan untuk membangunkan pelabuhan baru. Walau bagaimanapun, kajian tersebut juga merumuskan bahawa Kerajaan perlu mengoptimumkan pelabuhan yang sedia ada dan membangunkan fasiliti pelabuhan untuk tujuan perkhidmatan industri tertentu sahaja.

Pada masa ini, Kerajaan Persekutuan tidak mempunyai sebarang cadangan untuk membina landasan rail bagi menyambungkan Lumut Maritime Terminal dan Pelabuhan Vale.